

# PEACE<sup>®</sup> DM SYRUP

Tripolidine HCl 1.25mg/5ml, Pseudoephedrine HCl 30mg/5ml, Dextromethorphan HBr 15mg/5ml

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PEACE DM Syrup
2. Bagaimana PEACE DM Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan PEACE DM Syrup
4. Cara menggunakan PEACE DM Syrup
5. Semasa menggunakan PEACE DM Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PEACE DM Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan PEACE DM Syrup

Melegakan batuk kering yang berhubung kait dengan selesema, jangkitan bahagian atas saluran pernafasan, dan allergic rhinitis. Membantu mengeringkan hingus hidung dan melancarkan bronki untuk membantu pernafasan.

## Bagaimana PEACE DM Syrup berfungsi

PEACE DM Syrup mempunyai tindakan antitusif, antihistamin dan selsema dan pelancaran saluran hidung kesan decongestant yang mana akan memberi kelegaan secara simptomatik untuk batuk dan selsema.

## Sebelum menggunakan PEACE DM Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan  
Anda tidak boleh mengambil PEACE DM Syrup jika mempunyai tekanan darah tinggi yang serius, penyakit jantung dan mempunyai risiko tinggi mengalami kegagalan saluran pernafasan atau anda telah mengambil Monoamine oxidase inhibitor sehingga 14 hari. Ia tidak patut diambil untuk batuk berhubung kait dengan asma dan perembesan keterlaluan atau anda mengambil furazolidone bersama dengan PEACE DM syrup.

- Sebelum menggunakannya  
Beritahu doktor jika anda alergic terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain  
Penggunaan PEACE DM Syrup bersama dengan ubat yang lain akan mengakibatkan kesan-kesan yang tidak dikehendaki. Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat.

## Cara menggunakan PEACE DM Syrup

- Berapa banyak harus digunakan  
Dewasa dan kanak-kanak > 12 tahun : 10 ml  
6-12 tahun : 5ml  
2 – 6 tahun: 2.5ml  
3 kali sehari

- Bila perlu digunakan  
PEACE DM Syrup boleh diambil dengan makanan atau perut kosong.

- Berapa lama perlu digunakan  
PEACE DM Syrup perlu diambil mengikut preskripsi doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan  
Jika anda terlupa satu dos, ambil dos itu secepat mungkin. Jika sudah beberapa jam selepas masa makan ubat berlaku ataupun sudah mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)  
Tanda-tanda seperti muntah, pening, lemah atau lain-lain kesan yang lebih serius mungkin berlaku. Sila dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda atau sesiapa sahaja ada mengambil berlebihan PEACE DM Syrup.

## Semasa menggunakan PEACE DM Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan  
Ikut preskripsi doktor anda semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan  
Mengelakan alkohol, memandu atau mengendalikan mesin.

- Perkara yang perlu diberi perhatian  
Wanita mengandung perlu mengambil PEACE DM Syrup dengan berhati-hati dan di bawah nasihat doktor. Ia tidak disarankan untuk kanak-kanak < 2 tahun dan perlu digunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor bagi kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

## Kesan-kesan sampingan

Mengantuk, pening, sembelit dan ketidakselesaan GI. Kesan sampingan yang jarang berlaku termasuk insomnia, mulut kering, denyutan jantung pantas dan kegelisahan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara penyimpanan dan pelupusan PEACE DM Syrup

- Penyimpanan  
Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada keadaan panas dan lembap.

- Pelupusan  
Beritahu doctor atau ahli farmasi anda jika anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada doctor atau ahli farmasi tentang cara pengendalian ubat yang tertinggal.

## Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk  
Cecair merah jernih dengan rasa blackcurrant dan menthol.

- Bahan-bahan kandungan  
- Bahan aktif  
Tripolidine Hydrochloride  
Pseudoephedrine Hydrochloride  
Dextromethorphan Hydrobromide

- Bahan tidak aktif  
Sodium Benzoate  
Citric Acid  
Sodium Citrate  
Glycerin  
Blackcurrent Flavour  
Sodium Saccharin  
Propylene Glycol  
Menthol  
Sucrose
- Nombor MAL  
MAL12055022AZ

**Pengilang**

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP:**

04/08/2011

**Nombor Siri**

NPRA(R2/1)250918/01543